



## **KENYATAAN MEDIA BUKU SUDAH TERBIT**

### **Buku Super Safee #10: Nombor 10**

PTS Media Group menerbitkan sebuah lagi komik yang ditulis oleh kartunis terkenal, iaitu Ben Wong. Nama itu adalah satu nama yang tidak asing lagi dalam dunia komik. Beliau mula serius melukis komik sekitar tahun 2001. Antara komik lain bersama PTS adalah Siri Super Safee: SS10 #1 sehingga SS10 #10, Siri Reda #1 dan Reda #2, dan Siri Atan #1 hingga #2, dan Atan (Edisi istimewa). Beliau seorang kartunis berbangsa Cina yang mendapat dua kali anugerah *Silver Award* dalam *International Manga Award* di Tokyo menerusi komik *Atan*.

“ANDA TIDAK BOLEH MENEWASKAN ORANG YANG TIDAK TAHU ERTI PUTUS ASA!”

Inilah kata semangat yang menjadi azimat buat diri Safee dan rakan sepasukannya. Meskipun dikecam, disakiti, dan diuji dengan pelbagai halangan, namun untuk berputus asa, tidak sama sekali. Kudrat dan keringat, perlu digembleng selagi masih ada saat berbaki.

Siri komik kali ini berdasarkan kehidupan zaman muda Safee Sali. Ia berbentuk fiksyen yang ditambah untuk tujuan memberi kejutan kepada pembaca supaya lebih menarik dibaca terutama jalan ceritanya. Konflik dalam SS10 ini masih berlarutan dan belum selesai. Banyak yang Safee dan rakan-rakannya perlu lalui. Semakin banyak juga perkara menarik yang dibongkarkan satu demi satu.

Apa yang pasti, siri SS10 karya Ben Wong kali ini pastinya menarik dan memberi kepuasan kepada para pembaca. Selain daripada itu, banyak manfaat yang kita boleh dapat daripada karya ini.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)